



Zuckerberg guna facebook untuk bunuh penduduk Palestin

FENOMENA *facebook* yang menular di seluruh dunia semakin pesat. Zaman ini, sesiapa yang tidak tahu tentang *facebook* dikategorikan sebagai buta IT. Benarkah? Terpulanglah kepada anda. Tetapi sekadar berkongsi maklumat, apa sahaja bahan yang hendak dicari, anda hanya perlu sentuh skrin maklumat yang terbentang.

Kembali kepada fenomena *facebook*, tahun lalu pengguna tetapnya menjangkau 140 juta orang. Tetapi baru-baru ini, *facebook* mengeluarkan kenyataan, penggunanya meningkat ke 240 juta orang. Satu angka yang cukup besar dalam tempoh setahun. Jadi tidak hairanlah jika *facebook* boleh menjana pendapatan hingga AS\$300 juta pada tahun 2008. Lantaran sambutan yang menggalakkan, serta keuntungan yang lumayan, syarikat gergasi komputer Microsoft telah membeli 1.6 peratus kepentingan *facebook* yang bernilai AS\$240 juta pada tahun 2007. Bagaimanapun, baru-baru ini, pengasasnya, Bill Gates salah seorang yang turut melayari *facebook* mengambil keputusan untuk menutup halamannya ekoran 10,000 orang yang tidak dikenali, berminat untuk menjadi kawannya. Terbaru syarikat Rusia, Digital Sky Technologies pula melabur sebanyak

AS\$200 juta dalam web tersebut dan menjadikan nilai syarikat itu meningkat sebanyak AS\$15 bilion.

Bagaimanapun dalam keghairahan melayari *facebook*, kerajaan Iran pada 23 Mei lalu, mengambil keputusan menyekat akses *facebook* sempena pilihan raya presiden. Tujuannya, menghalang para penyokong calon yang bertanding menggunakan halaman web itu untuk berkempen. Tindakan negara Iran itu turut disusuli oleh Majlis Ulama Indonesia (MUI) yang mengharamkan *facebook* melalui fatwa yang dikeluarkan pada Jun yang lalu. Hujahnya, laman web berkenaan menjadi penyebab kepada perlakuan tidak senonoh dan seks sebelum nikah.

Pun begitu sebelum pengharaman oleh dua buah negara tersebut dibuat, wujud desas-desus yang mengaitkan penglibatan laman web tersebut dalam membiayai peperangan di Gaza.

Antaranya blog majelis *fathul hidayah* yang mendedahkan pemilik kepada laman web tersebut. Daripada kajian yang dilakukan, *facebook* dimiliki oleh Mark Zuckerberg, seorang graduan sains komputer dari Universiti Harvard. Zuckerberg adalah anak pasangan Yahudi, Edarwd dan Karen Zuckerberg yang dibesarkan di Amerika Syarikat. Bapanya seorang doktor gigi manakala

emaknya pakar perubatan. Zuckerberg dikatakan seorang yang genius komputer sejak kecil lagi. Malah diceritakan, ketika berusia belasan tahun dia sudah pun mencipta satu permainan komputer yang dinamakan *Risk* dan permainan muzik, *Synapse*. Ketika *facebook* dilancarkan pada 4 Februari 2004 dari bilik asramanya, tujuannya untuk memudahkan mahasiswa Harvard berhubung antara satu sama lain. Bagaimanapun atas permintaan ramai ia dikembangkan ke universiti di sekitarnya.

APA KAITAN ZUCKERBERG DENGAN ISRAEL?

Semasa di Universiti Harvard, Zuckerberg menjadi anggota Alpha Epsilon Pi (AEPi) yang aktif. Alpha Epsilon Pi adalah pertubuhan persaudaraan Mahasiswa Yahudi yang kuat di Amerika Syarikat (AS) dan Kanada. Kaitannya dengan Israel, berlangsung apabila ia dikatakan sebagai yang pertama dan satu-satunya pertubuhan persaudaraan di Israel. Pertubuhan persaudaraan Yahudi ini membuka keahliannya kepada seluruh pelajar universiti berbangsa Yahudi di AS. Asas utama pertubuhan ini, adalah membina semangat kepimpinan di

kalangan mahasiswa Yahudi sekali gus menjadi pemimpin bangsa di masa akan datang yang benar-benar memahami idea, nilai dan etika Yahudi.

Manakala laman blog Rizki Yudhistira seorang pakar IT, memetik kata-kata yang dilontarkan oleh Joel Leyden yang memanfaatkan sepenuhnya *facebook* untuk menyokong tentera Israel semasa peperangan di Gaza. Siapa sebenarnya Joel Leyden? Dia adalah wartawan, pemilik Israel News Agency dan mencipta laman web komersil pertama di Israel. Selain itu dia juga membuka laman web untuk Perdana Menteri dan tentera Israel.

Leyden mencipta *facebook*nya sendiri tiga jam selepas serangan pertama yang dilancarkan Israel ke atas Gaza. Menerusi *facebook* dia membakar semangat tentera Israel yang mempertahankan sempadan dan kedaulatan Israel. Ia menjadi medan perbincangan dan hamburan kata-kata semangat untuk tentera serta orang Israel.

Kenalan menyertainya mencapai 17,000 pada 30 Disember tahun lalu. Leyden mengambil peluang menggunakan *facebook* untuk mempengaruhi dunia bahawa Israel mempertahankan

negaranya dari serangan penganas Muslim di semenanjung Gaza. Bersama dengan video *You Tube*, Layden cuba memberikan penerangan lebih jelas kenapa Israel perlu melancarkan perang ke atas penduduk di Gaza yang dilabelkan sebagai penganas Islam.

Lain pula kisahnya di Indonesia. Kumpulan Cyber Jihad yang diketuai oleh Muhammad Jibriel atau lebih dikenali sebagai *Prince of Jihad* yang memperjuangkan suara Islam dan jihad di dalam dunia cyber, akhirnya tidak 'diizinkan' untuk melayari laman web tersebut. Suaranya yang cukupantang, telah menarik perhatian pihak pengurusan *facebook* untuk menutup akaun milik Kumpulan Cyber Jihad dan Arrahmah seperti yang dilaporkan oleh Eramuslim.com dan Arrahmah.

Di Indonesia, *facebook* yang dikendalikan oleh kumpulan Arrahmah dan Cyber Jihad mempunyai keahlian yang paling ramai. Mereka tidak terkejut apabila *facebook* milik pejuang Islam itu ditutup kerana sudah maklum bahawa laman web sosial itu milik Mark Zuckerberg yang juga anggota Alpha Epsilon Pi.

Soalnya, kenapa *facebook* milik Ley-

den tidak disekat tetapi *facebook* milik Cyber Jihad dan Arrahmah disekat? Sedangkan kedua-duanya mempunyai tujuan yang hampir sama iaitu membara semangat pejuang masing-masing?

BAGAIMANA FACEBOOK MENDAPAT UNTUNG?

Menurut Rizki, pendapatan utama *facebook* datang dari iklan yang banyak dipaparkan. Dari penelitiannya iklan yang terdapat di dalam *facebook* mempunyai sistem yang berbeza-beza. Misalnya menggunakan kaedah CPC (cost perclick) sekali klik \$0.50. Jika di dalam masa satu hari ada 1,000 orang yang klik pada iklan itu maka *facebook* akan memperolehi pendapatan \$500. Itu baru satu iklan, cuba bayangkan jika ada 10 atau 20 iklan. Jumlahnya kiralah sendiri.

Jika itulah jumlah wang yang diperoleh, anda boleh membayangkan berapa pula disalurkan untuk membiayai peperangan di Gaza. Lebih malang, sebahagian keuntungan itu disumbang oleh orang Islam. Dengan klik saja pada *facebook* kita turut sama menjadi pembunuh orang Palsetin di Gaza.

SIAPA ZUCKERBERG?

• Mark Zuckerberg dilahirkan dalam sebuah keluarga Yahudi-Amerika dan dibesarkan di Dobbs Ferry, Westchester County, New York.

• Mark Zuckerberg semasa menuntut di Universiti Harvard telah menggodam laman sesawang universiti untuk mendapatkan profil peribadi para pelajar tanpa kebenaran.

• Majalah Time telah mengiktiraf Zuckerberg dalam ranking ke 52 daripada 101 tokoh sebagai antara 'tokoh paling berpengaruh dunia 2008, sebaris dengan nama besar Barack Obama.

• Majalah Forbes Top 400 telah menyenaraikan Mark Zuckerberg sebagai individu ke-321 terkaya Amerika daripada 400 individu lain pada 2008.

• Zuckerberg merupakan individu termuda pernah disenaraikan Forbes, ketika usianya baru mencecah 24 tahun dengan kekayaan peribadi sebanyak USD1.5 billion.

• Mark Zuckerberg, CEO facebook adalah merupakan seorang ahli aktif kepada sebuah pertubuhan persaudaraan Yahudi Amerika Utara, Alpha Epsilon Pi Fraternity (AEPi)

• Mark Zuckerberg termasuk dalam senarai alumni AEPi.

APA AEPI?

• Diasaskan untuk membantu lelaki Yahudi mencari pasangan Yahudinya.

• Juga bertujuan mengekal dan menguatkan hubungan sesama Yahudi di peringkat sekolah tinggi dan di bidang pekerjaan.

• Mengekalkan idealisme Yahudi supaya terjaga dari sudut nilai, etika, dan menyiapkan peserta untuk menjadi pemimpin negara dan organisasi Yahudi pada masa depan dalam pelbagai lapangan bidang profesional.

• AEPi berkait secara langsung dengan Israel melalui Ikatan Inisiatif Israel.

• AEPi sangat berkait rapat dengan kebanyakan pertubuhan Yahudi/Zionis antarabangsa seperti AIPAC, Hillel, Israel on Campus Coalition, Aish HaTorah, Chabad on Campus, Hasbara Fellowships, B'nai Brith International, Shaare Zedek, Chai Lifeline, Holocaust Museum, dan Gift of Life.

Dan tahukah anda bahawa keuntungan Facebook datang daripada iklan-iklan yang **A**